



NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI SRI TAKADA INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis") ini adalah berdasarkan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Dengan menggunakan servis syarikat kami atau menyediakan servis untuk syarikat kami atau melayari laman web syarikat kami di www.sritakada.com.my ("Laman Web"), anda dengan ini membenarkan syarikat kami untuk mengumpul, mengguna dan memproses data peribadi anda bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di bawah melainkan anda memaklumkan kepada kami sebaliknya secara bertulis.

DATA PERIBADI

Data peribadi yang anda mungkin atau telah kemukakan kepada syarikat kami termasuk nama, nombor Kad Pengenalan / Pasport, nombor telefon, alamat, alamat emel, maklumat pekerjaan dan sebarang maklumat yang berkait secara langsung atau tidak langsung dengan anda, membolehkan anda dikenalpasti. Kami akan mengumpul, merekod, menyimpan dan memproses data peribadi anda atau kami mungkin akan menggunakan khidmat pihak ketiga bagi tujuan pemprosesan data.

Tambahan daripada data peribadi yang anda kemukakan kepada syarikat kami secara langsung, syarikat kami juga mungkin akan mengumpul data peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- Dari syarikat-syarikat bersekutu atau cawangan-cawangan kami;
- Dari enjin carian atas talian;
- Maklumat yang diterima daripada pihak ketiga melalui rujukan atau sumber yang sah, atau cara lain yang sah;
- Data peribadi anda juga mungkin dikumpul oleh 'cookies' apabila anda melayari Laman Web kami.

TUJUAN PEMROSESAN DATA PERIBADI

Dengan ini anda bersetuju dan membenarkan syarikat kami untuk mengguna dan memproses data peribadi anda bagi tujuan seperti di bawah:-

- Untuk tujuan rekod komersial;
- Untuk menyediakan perkhidmatan yang anda perlukan daripada syarikat kami;
- Untuk syarikat kami mematuhi undang-undang, peraturan, garis panduan atau polisi; dan pelesenan dan pendaftaran yang dikenakan oleh badan-badan kerajaan atau pihak berkuasa dan badan-badan lain yang berkaitan;
- Untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan anda dan untuk syarikat kami menghubungi anda;
- Untuk pentadbiran dalaman antara syarikat kami dengan syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan-cawangan kami; dan/atau
- Untuk tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

Sila ambil maklum bahawa ianya adalah mandatori untuk anda mengemukakan data peribadi. Sekiranya anda tidak mengemukakan semua maklumat seperti yang diminta, ia akan menjejaskan kebolehan kami dalam mencapai tujuan seperti yang dinyatakan di atas.

PENDEDAHAN DATA PERIBADI KEPADA PIHAK KETIGA

Dalam transaksi perniagaan seharian, kami mungkin perlu untuk mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak-pihak yang berikut:-

- Syarikat-syarikat bersekutu atau cawangan-cawangan kami, sama ada tempatan atau luar negara;
- Kontraktor, sub-kontraktor atau pelanggan lain dalam menunaikan kontrak di mana anda juga adalah pihak yang terlibat;
- Bank-bank dan institusi-institusi kewangan;
- Syarikat-syarikat insurans;
- Auditor-auditor;
- Mana-mana agen dan pekerja mereka yang menyediakan servis untuk syarikat kami; dan/atau
- Mana-mana pihak berkuasa dan badan-badan pendaftaran/pelesenan.

PERMINTAAN BAGI AKSES DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI DAN PERTANYAAN / ADUAN

Sekiranya anda ingin mengakses atau membuat pembetulan kepada data peribadi atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data Peribadi kami di talian 03-20355948 atau faks ke 03-33435951 atau emel ke compliance@sritakada.com.my. Walau bagaimanapun, permintaan ini adalah tertakluk kepada pengecualian dan had-had yang terkandung dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami mempunyai hak untuk menolak permintaan tersebut setakat yang dibenarkan oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Sekiranya anda adalah entiti korporat atau perkongsian, Notis ini adalah dianggap telah diberikan kepada wakil-wakil anda, di mana data peribadi mereka diberikan kepada kami untuk tujuan yang dinyatakan di atas. Dalam hal ini, anda memberikan jaminan bahawa anda telah memperolehi kebenaran daripada wakil-wakil anda yang membolehkan kami memproses data peribadi mereka bagi tujuan yang dinyatakan di atas.

Syarikat kami berhak meminda atau mengubah Notis ini dari masa ke semasa tanpa notis. Kami percaya anda memahami, membenarkan dan bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat berkenaan dengan pemprosesan data peribadi anda. Sekiranya kami tidak menerima sebarang maklum balas daripada anda dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Notis ini, anda dianggap telah bersetuju seperti yang telah maklum.

Yang benar,
Sri Takada Industries (Malaysia) Sdn. Bhd.